# PANDUAN PERMOHONAN LESEN SETIAUSAHA SYARIKAT

## Permohonan Lesen Setiausaha Syarikat

**Sesiapa jua boleh memohon Lesen Setiausaha Syarikat jika:-**

- **Pemohon bukanlah seorang bankrap;**
- **Pemohon bukanlah seorang pesalah seperti disebutkan dalam seksyen 130(1) Akta Syarikat 1965;**
- **Pemohon mestilah menetap di Malaysia; dan**
- **Pemohon mestilah cukup umur (18 tahun ke atas).**

## Prosedur Permohonan Lesen Setiausaha Syarikat

### 1. Dokumen dan bayaran

**Dokumen dan bayaran berikut perlu diserahkan ke pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia:**

- **Borang 48B – Permohonan lesen Setiausaha Syarikat;**
- **Salinan kad pengenalan;**
- **Salinan sijil akademik;**
- **Dokumen yang boleh mengesahkan pengalaman berkaitan;**
- **Surat perujuk;**
    - **Gambar bersaiz pasport yang terbaru; dan**
    - **Bayaran permohonan sebanyak RM50.00.**

## 2. Pengalaman dan Kelayakan

- ***Kelayakan minima***

  **Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf (Kredit dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris).**

- ***Pengalaman***

  **Pemohon perlu mempunyai pengalaman bekerja berkaitan dengan perkara-perkara perundangan syarikat atau praktis kesetiausahaan syarikat.**

- ***Tempoh pengalaman bekerja***

  - Ø **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, 5 tahun pengalaman bekerja;**
  - Ø **Pemegang Sijil, Diploma, Ijazah (dalam bidang perundangan, praktis kesetiausahaan syarikat pengurusan pentadbiran syarikat atau perakaunan) perlu 3 tahun, 2 tahun dan 1 tahun pengalaman bekerja.**

## 3. Temuduga

**Setiap pemohon perlu menghadiri temuduga yang mana dia akan dinilai pengetahuannya berkaitan undang-undang syarikat atau praktis kesetiausahaan syarikat.**

## 4. Lesen

**Pemohon yang berjaya perlu membayar untuk lesen sebanyak RM150.00 dan lesen yang tempohnya sah selama 3 tahun akan dikeluarkan kepada pemohon.**

## 5. Pembaharuan Lesen

**Bagi memperbaharui lesen setiausaha syarikat seseorang perlu menyerahkan borang permohonan pembaharuan lesen (Borang 48C) bersama bayaran sebanyak RM50.00 kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tempoh lesen tamat. Selepas pembaharuan lesen diluluskan pemohon perlu membayar untuk lesen sebanyak RM150.00 dan lesen akan dikeluarkan kepada pemohon.**

## Peringatan Am

- **Format Borang 48B untuk permohonan lesen dan Borang 48C untuk pembaharuan lesen boleh diperolehi dengan merujuk kepada Peraturan Syarikat 1966.**
- **Setiap borang perlu ditaipkan.**